Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Menteri Buroh menerangkan perkara ini sa-jelas²-nya di-mana-kah sangkut-nya yang mengambil masa yang bagini panjang. Dan ada-kah benar bahawa pehak Menteri Buroh ini tidak dapat menyelesaikan soal ini dan memberi nasihat bagaimana apa yang saya sebutkan tadi ia-itu supaya di-bawa ka-Mahkamah melalui loyar atau pun di-bubarkan sahaja kesatuan itu.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, dalam bangun menyokong peruntokan Perbekalan Tambahan 1966 ini ada-lah beberapa perkara yang saya hendak ka-tengahkan; tetapi sa-belum itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah hendak menyampok sedikit tentang keterangan yang di-beri oleh Ahli Yang Berhormat dari Besut tadi dan jangan-lah di-kata saya hendak mengada² tetapi saya hendak memberi pendapat sa-kadar yang saya tahu dalam perkara ini. Sa-benar-nya nampak-nya pertikaian buroh yang berlaku di-dalam Kesatuan Lombong di-Pantai Timor itu telah di-masoki oleh anasir² politik. Perkara itu sudah merupakan ketegangan² golongan² politik yang hendak mengongkong kesatuan itu, ini yang menambahkan kusut-nya perkara ini. Pehak orang PAS sendiri pada masa ini chuba hendak menegakkan kedudukan mereka dalam pimpinan dalam kesatuan dan ini dengan *ajitasi* yang berlaku sa-panjang masa menegangkan keadaan kesatuan itu. Saya rasa untok ketenteraman perjuangan buroh pelombong di-Pantai Timor elok-lah anasir² politik ini tidak menunjolkan hidong-nya bagi

menegangkan suasana dan memburokan akibat perjuangan buroh di-Pantai Timor. Saya harap sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Besut dan rakan²-nya tidak akan terus menerus menyokong gerakan memanaskan pertentangan dalam puchok pimpinan kesatuan itu untuk faedah politik.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, suatu tuduhan dengan tidak langsung telah di-tujukan kepada saya dan kepada PAS mengatakan memanaskan kedudukan ini. Dalam keterangan atau pun ucapan yang saya telah nyatakan tadi bahawa perkara ini telah berlaku pada bulan lapan tahun 1966 yang hangat agak sedikit dan lebih awal daripada itu dan sekarang ini sudah bulan tiga, perkara ini sudah berjalan. Jadi kalau kami bagi pehak PAS ini hendak memanaskan perkara ini saya perchaya perkara ini lebih awal lagi kami bawa di-dalam Dewan ini tetapi oleh kerana kami ikuti perkara itu tidak dapat di-selesaikan sebab itu-lah saya menyampaikan dalam Rumah Yang Mulia ini untuk mendapatkan satu ketegasan daripada pehak Menteri Buroh bukan-lah kami hendak chari fasal atau pun hendak chari pengaruh dengan masalah pertikaian, ini tidak bertujuan sa-kali².

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Jikalau-lah

Mr Deputy Speaker: Nanti dahulu. Saya tidak hendak-lah perkara ini—dalam perbahathan ini tidak ada kena mengena dengan Undang² ini. Dalam Rang Undang² ini menyatakan Fasal 60 tadi yang saya nyatakan, hendaklah di-hadkan kepada asas² 'am dasar dan pentadbiran Kerajaan saperti yang di-nyatakan dalam Peruntukan Tambahan ini. Apa juga permintaan yang di-utangkan ini sahaja chakap sama ada hendak tambah, itu sahaja, tetapi di-dalam perkara 'am sunggoh pun perkara ini perkara buroh tetapi boleh di-chakapkan dalam dasar 'am dahulu tidak pada masa sekarang. Jadi, saya fikir tidak-lah bahathkan banyak dalam perkara berkenaan dengan Dungun Mining itu.

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak bahath panjangkan chuma hendak membuat penjelasan sedikit fasal perkara itu bersangkutan dengan Pantai Timor. Jika Ahli Yang Berhormat dari Besut mengatakan perkara ini diserahkan kepada Kementerian Buroh saya rasa lebih baik-lah menunggu penyelesaian yang akan di-buat oleh Kementerian Buroh dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam satu perkara yang saya rasa bersangkut dengan apa yang ada dalam Peruntukan Perbekalan Tambahan ini ialah tentang Kementerian Penerangan. Saya suka hendak berchakap di-sini sedikit tentang ini ia-itu di-dalam Kementerian Penerangan dan Jabatan Penerangan khusus-nya ada banyak Pegawai² Luar dan Pegawai² Luar inilah yang menjadi sa-bagai orang bariisan hadapan bagi jabatan itu dan bagi Kerajaan untuk menerangkan segala dasar dan usaha Kerajaan kepada ra'ayat. Dan di-antara Pegawai² Luar yang beratus² orang ini ada sa-bahagian yang tidak kechil Pegawai Luar itu berupa Pegawai Luar Sementara dan ada pula sa-bahagian yang di-namakan di-bawah bahagian khas Pembantu Luar Sementara. Pembantu Luar Sementara ada dekat 100 orang, Pegawai Luar Sementara saya ingat ada 100 lebih. Sa-tengah daripada orang itu telah berkhidmat dalam Jabatan Penerangan sa-bagai Pegawai Luar Sementara ini sa-lama 8 tahun, 10 tahun, 12 tahun atau 15 tahun, daripada masa dharurat dahulu lagi dan mereka maseh menjadi sa-bagai Pegawai Luar Sementara yang erti-nya kalau mereka berhenti tidak mendapat apa² saraan. Sa-orang yang baharu masok menjadi Pegawai Luar ada kelulusan School Certificate dia mendapat Pegawai Luar Tetap tetapi kebolehan untuk menerangkan kepada orang ramai dari pengalaman sa-lama 10 tahun atau 15 tahun orang lama yang bersipat Pegawai Luar Sementara ini lebih cekap, lebih pandai, lebih bijak dan lebih mahir dalam menyampaikan—menjalankan tugas sa-bagai Pegawai Luar.

Maka saya rasa patut di-tinjau kembali soal ini supaya jangan Pegawai² Luar Sementara ini sa-lama-nya

menerima nasib yang kurang daripada Pegawai Luar yang tetap yang ada kelulusan. Saya rasa pengalaman mereka 3 tahun atau 5 tahun atau lebih sudah cukup untuk menutup kekurangan mereka dari segi kelulusan dan ditinjau kembali soal pekerjaan Pegawai Luar Sementara ini dan Pembantu² Luar Sementara ini supaya di-masokkan mereka ini ka-dalam perkhidmatan tetap maka ada-lah ganjaran daripada khidmat mereka yang sekian lama dan pengalaman mereka yang sekian lama di-dalam Jabatan Penerangan sa-bagai orang² barisan hadapan bagi pihak Kerajaan yang sa-lama ini menanamkan kepada dada ra'ayat segala pengertian yang benar mengenai dasar Kerajaan dan rancangan² Kerajaan. Sudah sampai masa-nya perkara ini di-timbangkan kembali yang saya rasa cukup serious yang cukup sungguh² oleh pihak Kerajaan, jangan-lah di-biarkan 200, 300 orang yang telah bekerja dengan Kerajaan yang telah mengeringkan peloh dan darah dan jiwa mereka untuk Kerajaan di-abai²kan nasib mereka sa-bagai Pegawai Sementara sa-lama²-nya. Ini-lah satu segi yang harus di-timbangkan dalam perkara Pegawai² Luar dan Pembantu² Luar Sementara ini. Saya sendiri kenal banyak daripada Pegawai² ini dan saya tahu mereka lebih cekap daripada orang yang baharu lulus darjah sembilan tetapi apa boleh buat mereka masuk kelmarin dengan tidak ada kelulusan yang cukup School Certificate-kah atau lain-nya maka di-jadikan Pegawai Sementara.

Tetapi pengalaman mereka yang telah bekerja itu-lah sekarang yang boleh menampung kelemahan dan kekurangan dalam segi kelayakan ini sahingga sekarang Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pun, kalau hendak mengambil pegawai² yang menghendaki kelayakan degree universiti, tetapi boleh di-ambil orang yang ta'ada degree universiti dengan syarat ada pengalaman lima tahun. Jadi, ini kita boleh jadikan panduan untuk meninjau kembali soal Pegawai² Luar dan Pembantu² Luar dalam Kementerian Penerangan.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentoh sedikit

tentang Polis di-Raja dan saya rasa pada masa yang ta' berapa lama dahulu Merinyu² Polis—Inspector² Polis telah membuat rayuan kepada Kerajaan supaya menimbangkan sa-mula sukatan² gaji, scheme gaji Inspector² ini dan telah mendapat jaminan daripada Jema'ah Menteri bahawa mereka akan di-beri pertimbangan dan pertimbangan ini akan di-jalankan. Saya rasa jaminan ini di-terima sangat baik oleh pihak Merinyu² Polis chuma perkara yang sangat hendak di-ketahui pada masa ini ia-lah bila-kah scheme baharu bagi Merinyu² Polis ini hendak di-jalankan. Kita tahu kes lamatan dalam negeri, keamanan dalam negeri bergantung kuat kepada Pasokan Polis di-Raja dan orang yang menjadi tulang belakang kepada Pasokan Polis di-Raja itu ia-lah Merinyu² atau Inspector² ini, maka harus-lah di-timbangkan bagi menjalankan scheme baharu bagi Merinyu² Polis ini dalam masa yang sa-berapa segera yang boleh untuk kebajikan mereka dan untuk kebajikan negara ini juga.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, ada satu langkah yang baik di-jalankan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan menempatkan Merinyu² Polis ini pada satu block rumah² flat supaya beberapa banyak kemudahan²—saya perchaya Merinyu² Polis banyak mengaku sekarang ini ada fa dah yang baik daripada di-letakkan bersama² demikian, kerana sa-tengah² Merinyu² Polis ini, kerana di-hantar ka-Sabah, ka-Sarawak tinggalkan family duduk bersakali dengan flat ini, boleh-lah tengok-menengok, menjaga family masing². Jadi, banyaklah faedah-nya di-letakkan sakali begitu, chuma satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, bahawa rumah² flat ini ia-lah kepunyaan saudagar² dan saya ingat di-bayar oleh Kerajaan tidak kurang daripada \$30,000 satu bulan untuk sewa flat² yang banyak ini.

Saya rasa satu daripada perkara yang menarik perhatian saya sekarang ini Polis di-Raja mempunyai satu *Sharikat* Kerjasama yang sangat maju dan yang sangat berjaya dengan modal yang banyak. Alang-kah baik-nya rancangan menyewa rumah² flat bagi di-tempatkan untuk Pegawai² Polis ini

di-tarek perhatian atau di-pandu-lah Sharikat Kerjasama Polis ini yang mempunyai modal bermillion² ringgit bagi mendirikan rumah² flat untuk Merinyu² itu di-sewakan oleh Jabatan Polis daripada Sharikat Kerjasama Polis ini untuk Pegawai² Polis itu. Jadi, yang demikian dapat-lah di-jaga ekonomi Pegawai² Polis ini. Mereka menyimpan duit dalam sharikat kerjasama mereka dan sharikat kerjasama ini mendirikan rumah dan rumah ini di-sewakan oleh Polis di-Raja untuk pegawai²-nya, jadi duit ini tidak mengalir ke-lain, dapat menyuburkan lagi dan mengembangkan lagi dan memajukan lagi sharikat kerjasama polis ini yang menjadi satu kebanggaan kepada kita bagaimana sa-buah sharikat kerjasama itu dapat berjalan dengan baik, jikalau baik pentadbiran-nya dan pengelola-nya.

Saya harap-lah dapat di-beri pertimbangan kepada chadangan ini supaya tidak sa-lama²-nya pihak Kerajaan menyewa flat² yang di-sediakan oleh saudagar² dan memberi, menyalorkan duit sewa itu kepada satu saudagar² sahaja, pada hal polis ini mempunyai alat dan mempunyai senjata dan mempunyai organisasi sendiri yang boleh menyelenggarakan soal itu bagi menyediakan rumah² kediaman bagi Pegawai² Polis.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh sedikit tentang Kementerian Perdagangan dan saya hendak menyentuh tentang perbekalan letrik. Ini mengenai kawasan saya, saya hendak berchakap dalam masa tengah perdebatan 'am dahulu ta' sempat dalam perkara ini. Sa-betul-nya kawasan Trengganu ini, bandar Kuala Trengganu ini, terbelah dua—di-belah oleh sungai Kuala Trengganu Selatan di-mana bandar-nya terletak dan Kuala Trengganu Utara ia-itu di-sabelah utara sungai itu. Perbekalan letrik sekarang ini hanya ada di-sabelah selatan sungai, tetapi di-sabelah utara sungai tidak ada, hanya sedikit disabuah kampung daripada Kampung Saberang Takir. Menurut Ranchangan Malaysia Yang Pertama tahun 1970 baharu-lah hendak di-pasang perbekalan letrik bagi kawasan sa-belah utara sungai Trengganu ini dan bagi saya yang dudok menjadi wakil bagi

kawasan itu, saya rasa menunggu tahun 1970 ini terlalu lama, kerana orang² sa-belah sungai itu boleh tengok sa-batang sana lampu terang-benderang; kami sa-belah sini ta' ada lampu. Jadi, terasa sangat beza-nya. Saya rasa patut sangat-lah di-masokkan peruntukan bagi mencheptakan menghantar perbekalan letrik di-kawasan Utara Sungai Trengganu ini.

Dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua pula ada kampung² yang ta' masok—dalam tahun 1970 tadi ada tiga empat buah kampung yang ta' masok—Kampung Bukit Tobing, Kampung Banggol Pauh, Bukit Tunggal, Lapah Tembesu ta' di-masokkan, pada hal kampung² lain yang kecil ini di-masokkan dalam ranchangan ini. Jadi, bila hendak di-jalankan, saya harap-lah kampung² yang tertinggal itu di-masokkan bersama.

Di-sabelah Utara Sungai Trengganu ini sekarang ada sa-buah Sekolah Menengah yang baharu di-buka, ada Kem Tentera yang baharu di-buat, ada Padang Kapal Terbang, yang di-gunakan sekarang akan di-besarkan lagi dan akan di-tubuhkan pula dalam tahun ini, barangkali sa-lewat-nya tahun hadapan Taman Asohan Wanita yang baharu bagi Pantai Timor di-dalam kawasan ini. Jadi, ini semua ada dalam kawasan Utara Sungai Trengganu, tetapi letriknya yang hendak di-pasang ia-lah dalam tahun 1970. Jadi, ini saya harap di-tinjau kembali supaya perbekalan letrik di-Utara Sungai Trengganu ini sangat mustahak di-segerakan di-masokkan ka-dalam kampung² di-kawasan Sungai Trengganu yang mengandongi tempat² dan bangunan² serta tempat² yang mustahak seperti di-sekolah, padang kapal terbang, Taman Asohan Wanita, Kem Tentera dan sa-bagai-nya.

Menurut Ranchangan yang mula², Kem Tentera ini hendak di-masokkan letrik dalam tahun 1967 ini tetapi entah apa salah-nya dan apa gendalanya yang kata-nya di-tanggihkan pula sementara ini. Jadi, saya rasa perkara ini semua menghampakan hati penduduk² di-kawasan Utara Sungai Trengganu ini. Jadi, di-minta-lah

supaya di-timbangkan sa-mula peruntukan ini dan di-segerakan masuknya perbekalan letrik di-Utara Sungai Trengganu ini yang akan di-nekmati oleh penduduk² hampir 10,000 orang. Jadi, biar rancangan membawa bekalan letrik ka-kampong² di-beri ka-utamaan sedikit kepada kawasan² yang di-utara Sungai Trengganu. Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin tuan, saya turut mengambil bahagian sedikit berkenaan dengan Rang Undang² Tambahan bagi perbelanjaan kita pada tahun ini. Apa yang saya hendak sebutkan ia-lah di-bawah S. 21 dalam Command Paper 52, Butiran 19 ia-itu di-bawah Kementerian Luar Negeri. Butiran 19—Seranta dan Penerbitan—Publicity and Publication. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1966 dahulu, kita estimatekan, kita minta \$150,000 dan sekarang ini kita meminta tambahan lagi \$9,500 untuk seranta dan penerbitan, ia-itu publicity dan publication untuk urusan luar negeri.

Saya minta Kerajaan, kalau boleh, menambahkan lagi angka ini, ia-itu menambahkan banyak lagi—bukan-lah berma'ana saya suka supaya Kerajaan ini membanyakkan lagi perbelanjaan pada hal kita tahu kita kekurangan kewangan. Tetapi, dalam pengalaman saya dapati

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tengok Standing Order 61 (3) menyatakan perbahathan dalam peringkat ini ia-lah membahathkan asas² 'am, tetapi Ahli Yang Berhormat daripada Bachok itu membicarakan sa-suatu Kepala yang tertentu—saya rasa itu lebih sesuai di-bahathkan dalam masa sidang jawatan-kuasa daripada satu Kementerian kepada satu Kementerian.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya silap, tuan tolong betulkan—saya berfaham, dalam peringkat jawatan-kuasa kita tidak boleh kembali balek kepada dasar 'am. Tetapi dalam Policy Stage yang sa-macham ini, walau pun kita tumpukan kepada apa yang bertulis di-sini, tetapi kita boleh kaitkan butir yang di-dalam jawatan-kuasa itu sa-

bagai alasan kita hendak berchakap. Tetapi daripada Committee Stage ta' boleh naik ka-atas yang daripada atas ini boleh kita pegang—kalau tidak, tidak ada asas saya hendak berchakap—itu, kalau saya salah, Tuan boleh tolong betulkan.

Jadi, kalau kita hendak membahathkan policy bagi Kementerian Urusan Luar Negeri ini amat-lah luas dan saya perchaya salah satu daripada-nya ia-lah kita kurang memberi penerangan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapati beberapa banyak kedutaan kita tidak mempunyai kertas² penerangan, sa-hingga orang tidak tahu kedudukan negeri kita, dan yang sa-tengah²-nya, saya pergi, ada dua tiga naskhah sahaja. Mithalnya, hendak mengenalkan Malaya ini, naskhah² itu di-simpan sa-bagai model, sa-bagai contoh—jadi kalau kita hendak tengok, terpaksa kita pergi dalam bilek itu, ada satu dua, pada hal Tuan Yang di-Pertua, negeri² lain amat-lah luas penerangan-nya.

Saya yang tertarek sangat hendak berchakap dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu di-masa kita ada konfrantasi dengan Indonesia. Jadi, boleh jadi pada masa yang lain kita akan menemui keadaan² yang samacham ini—ta'-lah pula saya hendak ulang²kan balek berkenaan dengan konfrantasi itu. Tetapi bagini, Tuan Yang di-Pertua, ada dua tiga negeri yang saya pergi—masharakat itu menyebelahi Indonesia—segala²-nya. Jadi bila kita cherita negeri kita—pendirian, bagini, bagini, dia kata, mengapa Kedutaan kamu ta' bagi tahu satu apa pun—kami ta' tahu pun. Jadi jauh beza sangat kedudukan penerangan orang itu. Itu saya sebutkan bukan saya hendak berlawan—erti-nya kurang kita dalam membuat keterangan itu.

Kemudian daripada itu, ada satu Kedutaan di-sabuah negeri—saya ta' mahu sebut nama negeri-nya—dia melihat saya pakai songkok, dia tanya, "Datang daripada Indonesia-kah?" Saya kata "Tidak, daripada Malaysia". Ada Kedutaan di-sini-kah?", dia kata. Saya tanya, "Tuan bekerja apa?" Dia kata, "Saya Under-secretary"—ta' silap saya. Dia jadi Setia-usaha Kedutaan negeri luar. Dia tidak tahu yang Kedutaan

kita ada di-situ, pada hal saya tahu Kedutaan itu sa-masa Menteri Sharikat Kerjasama ini pernah menjadi Duta di-situ. Tetapi negeri itu tidak tahu Kedutaan kita ada di-situ. Saya kata, "Tuan tidak tahu Pejabat itu di-manakah, atau pun Kedutaan ini?" Dia kata, "Kami ingat sudah tidak ada Kedutaan itu." Jadi ini, Tuan Yang di-Pertua, amat-lah kurang dalam kechergasan kita.

Dan yang kedua, tidak ada pula surat² publication yang kita hendak pegang, hendak bawa, hendak tolong tunjok bagitu, bagini. Dan jika kita buat macham daripada parti saya mithal-nya—bawa yang itu pula, boleh jadi Menteri Dalam Negeri berkata saya membawa pergi kempen di-sana dan boleh jadi bila saya balek dia menunggu saya di-padang kapal terbang, menyambut dan terus bawa kapada satu hotel berehat yang saya ta' boleh balek sa-kurang²-nya dua bulan, tiga bulan. Jadi ini serba salah, Tuan Yang di-Pertua.

Bagitu juga negeri yang paling dekat sa-kali, ia-itu di-Philippina pun dia tidak mengetahui sangat darihal negeri kita. Yang pelek-nya, Tuan Yang di-Pertua, bergantung kapada M.S.A.—kapada kapal terbang—ini satu khidmat daripada Kementerian Pengangkutan kita. Jadi terpaksa-lah kena minta di-tempat penerbangan itu banyak² advertisement hal kapal terbang ini buboh dalam poket—bila orang tanya macham mana Malaya, tolong bagi yang itu sedikit. Jadi ta' ada yang Kerajaan punya. Jadi, di-sini saya rasa baik juga Menteri kita ini ada policy-nya—yang baik itu saya kata baik, walau pun chara dia berchakap saya chukup ta' puas hati. Jadi ini-lah satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang sangat saya dukachita.

Lagi satu, lambat sangat, Tuan Yang di-Pertua, kita menterjemahkan buku² kita atau pun siaran kita itu di-dalam bahasa di-tempat Kedutaan kita itu ada. Macham di-negeri U.A.R. yang banyak-nya dalam bahasa Inggeris—orang itu marah sangat Inggeris ini pada satu segi. Jadi bila kita bawa dalam poket sahaja, di-tunjokkan sahaja bahasa Inggeris, dia kata,

"Kamu, bahasa kamu sendiri pun ta' ada lagi", kata dia. Jadi kita hendak chakap pun ta' boleh dalam perkara ini. Jadi ini di-luar negeri, pendek kata di-masa konfrantasi itu berbeza-nya kita dengan Indonesia daripada langit dengan bumi—orang ta' kenal kita langsung. Saya tahu bila kita pergi masok ka-dalam dia pun macham kita juga kedudukan-nya—tidak-lah bagitu terator sangat, tetapi dia punya advertisement itu menarek saya sangat. Jadi ini-lah satu chara yang patut kita buat.

Dalam perkara lain, Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit sangat yang saya hendak berchakap, ia-itu berkenaan dengan education ia-itu Head S. 19 ia-itu pemberian dan grant dan subvention kapada sekolah² menengah yang berasrama dan tidak berasrama. Saya tidak dapat jawapan daripada Kementerian Pelajaran berkenaan dengan pengampunan atau pun ketiadaan mengenakan bayaran pepereksaan kapada murid² sekolah rendah yang hendak masok sekolah menengah—saya tidak dapat jawapan itu daripada Kementerian Pelajaran. Walau pun Kementerian Kesihatan bersedia untuk membuat bagitu, tetapi Kementerian Pelajaran tidak menjawab pada hari itu—saya bimbang takut perkara itu di-biar bagitu sahaja.

Dan lagi, ada-kah benar dalam per-untokan kita memberi bantuan ini sudah di-kurangkan pula pada tahun ini. Ia-itu ma'alumat yang sampai kapada saya, dahulu-nya kalau budak² itu di-dalam bahagian Art, Form 6 mithal-nya, dia mendapat \$60 sama ada scholarship penoh-kah atau pun minor scholarship-kah, itu saya tidak tahu. Tetapi jumlah angka yang sa-orang pelajar itu dapat, \$60 dan dalam bahagian Science, \$75. Kata-nya, pada tahun ini yang bahagian Art itu tinggal \$30 sahaja dan yang bahagian Science itu tinggal \$45 sahaja Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah potongan yang mengejut dan amat besar kapada pelajar² itu dan ini menyentoh kemampuan dan kesanggupan ibu bapa hendak memberi peluang kapada anak² mereka itu melanjutkan pelajaran.

Kalau-lah perkara ini tidak berlaku, saya amat-lah bershukor dan menerima

kaseh. Dan saya berjanji akan bekerja mencari sebab mengapa pelajar² yang terjadi bagini telah berlaku begitu sebab apabila berlaku satu perkara terhadap sa-orang murid, maka perkara itu di-pandang oleh orang² lain sa-bagai satu chontoh yang keseluruhan dan sekarang ini ada-lah satu kegelisahan yang amat besar.

Dan lagi satu berkenaan dengan polis, Kementerian Dalam Negeri S. 34. Sa-orang sahabat saya, Yang Berhormat dalam Dewan ini tadi, telah bertanya Kerajaan apa-kah keputusan Kerajaan dan tindakan Kerajaan terhadap permintaan Merinyu² Polis yang meminta di-naikkan tangga gaji-nya. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong masalah itu dan saya rasa, tidak kurang penting-nya ia-lah rayuan daripada Rank and File yang baru² ini Perwakilan Polis, Pegawai² Rendah Polis, Perwakilan sa-banyak 75 orang daripada seluruh Malaysia Barat ini, telah bermeshuarat meminta beberapa² perimbangan daripada Kementerian.

Satu daripada-nya ia-lah yang saya sangat sedeh merasa-nya ia-itu mereka itu meminta tambang perchuma kepada anak² mereka ketika mereka itu berpindah daripada satu tempat ka-satu tempat yang tidak muat dengan kereta polis. Mithal-nya, kalau di-bawa dengan troop carrier atau pun dengan kereta Polis muat-lah segala pinggan mangkok-nya, begitu bagini—ta' chukup kereta itu—yang kita memuatkan di-atas kereta itu ia-lah Pegawai² Polis itu yang penting-nya. Kemudian isteri²-nya yang sa-tengah anak saudara pun menjadi tanggung jawab dia, jadi dependant kepada dia. Maka orang itu tidak dapat dari segi peratoran-nya, hendak memuatkan di-atas kereta dan terpaksa-lah kita hantar dengan bas lain atau pun dengan kereta-api lain, yang ini terpaksa mereka itu kena bayar sendiri. Maka amat-lah susah-nya kepada Polis² itu. Ini rayuan, saya rasa, tidak kurang-lah juga daripada rayuan yang di-buat oleh Merinyu² itu. Dan ini satu perkara yang sangat baik dan saya suka-lah menyatakan gembira dan ta'jub-nya dalam Dewan ini.

Saya dapat satu ma'alumat, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu orang² yang kena

tahanan, sama ada tahanan politik, atau pun tahanan apa, saya tidak jelas itu. Mereka ini mengumpulkan wang menderma memberi kerana derma banjir melalui Menteri yang menangkap mereka itu (*Ketawa*). Jadi, saya terfikir Tuan Yang di-Pertua, ada dua jalan. Yang pertama, barangkali Menteri ini ugut hendak menahan orang itu bertahun² lagi, maka mereka itu takut. Yang kedua, barangkali Menteri ini baik sangat kot—sebab itu orang suka! Jadi mana satu—saya ta' tahu benda itu.

Jadi, saya harap-lah di-pilih-lah hak yang baik itu, ta' usah-lah menjadi orang itu memberi melalui Menteri ini kerana takut. Sebab, saya rasa orang memberi kerana takut itu tidak-lah begitu besar erti-nya daripada orang memberi kerana sayang. Dan saya perchaya apabila timbul benda² yang baik ini, Menteri kita yang sakit ini pun merasa hilang sakit-nya, dan moga² dia bekerja balek-lah. Dan terkadang², Tuan Yang di-Pertua, bukan budak² sahaja merajok, orang tua² pun merajok juga (*Ketawa*). Jadi chuchuh² ini pergi kata "To' Ki, jangan-lah bagini". Bagini dia pun balek-lah. Jadi biar-lah Menteri kita ini merajok sa-takat itu—jadi-lah—Rang Undang² Bahasa Kebangsaan pun sudah habis. Jadi kami sudah kalah-lah dalam mengundi—jadi balek-lah bekerja. Chara² merajok budak² itu kita tinggalkan-lah, kerana kita pun sudah matang. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bercakap.

Mr Deputy Speaker: Meshuarat ini di-tangguhkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 11.38 a.m.

Sitting resumed at 12.05 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

ANNOUNCEMENT BY MR DEPUTY SPEAKER

(SITTING OF THE HOUSE)

Mr Deputy Speaker: Ahli² Yang Berhormat, saya suka ma'alumban ia-itu Meshuarat ini akan di-lanjutkan hingga 7 haribulan Mach.

THE SUPPLEMENTARY (1966) BILL

Second Reading

Debate resumed.

Mr Tan Chee Khoo (Batu): Mr Speaker, Sir, whenever the Minister of Finance brings a supplementary Supply Bill before this House, he says that this House should congratulate him for bringing such a supplementary Supply Bill, because the actual Budget has been cut so very fine, every item has been calculated down to the last cent and that—if he brings a supplementary Supply Bill—it means that the supplementary Supply Bill only caters for unexpected expenditure, and that we should congratulate his Ministry, in particular the Treasury, for the fine work that the Treasury has done. Now, Mr Speaker, Sir, time and again I have reminded the Minister that the converse may well be true—that the Treasury has done its homework all wrong, that during the course of the year it finds so many things have been left out, so many things have been un-estimated, and then, of course, the need to come to this House for supplementary supply expenditure.

Now, Mr Speaker, Sir, the figures that I have culled from the actual final authorised expenditure and the actual expenditure for the years 1962, 1963 and 1964 are very interesting, and these are the latest figures that one can get. Now, for example, in 1962, the final authorised expenditure was \$1.132.73 million; in the event, the actual expenditure was \$1,072.45 million—a short fall of about \$60 million on the final authorised expenditure. Now, in 1963, the final authorised expenditure was \$1,408.71 million; the actual expenditure in the event was \$1,276.72 million—there is a short fall of expenditure in this case of \$132 million. In 1964, the final authorised expenditure was \$1,812.79 million; the actual expenditure was \$1,748.19 million. In this case, the short fall in expenditure was \$164 million. Now, Mr Speaker, Sir, this does not speak well for either the Treasury or what the Government claims. The Government claims that

we come to this House for a supplementary Supplementary Supply Bill because it is actually necessary that we should have this money to carry on the business of Government: but here I have already shown that in 1962 this House voted \$60 million more than what the Treasury could actually spend, in 1963 it was \$100 million plus; and in 1964 it was \$160 million plus. Thus it shows that we should examine whatever supplementary Supply Bills that come to this House and ask this very pertinent question: Are all these supplementary Supply Bills really necessary? Has the expenditure that has already been voted by this House been looked into to see whether it has all be exhausted before coming to this House for further supplementary Supply Bills? I commend this observation to the Parliamentary Secretary to the Minister of Finance.

Now, Mr Speaker, Sir, I wish to touch a little on the Judiciary—page 38, Head S. 46. Here, we are asked to allocate an additional sum of \$18,000 to Administration and \$1,000 to Maintenance of Motor Cars for Judges. Now, Mr Speaker, Sir, I take it that when our Courts and when our Judges and Magistrates sit, we do hope that they will mete out justice, so that justice not only will be done to the accused but also will be seen to be done.

Now, Mr Speaker, Sir, I wish to draw the attention of this House, and to the foreign press in particular, to this little passage that has occurred in the *Straits Times* of the 3rd of September, 1966, the contents read as follows:

"JUDGE: D.P.P. AND MAGISTRATE FLOUTED THE LAW"

A High Court Judge today criticised a public prosecutor and a magistrate who flouted completely the criminal law by charging and convicting a man with an offence unknown in law.

Mr Justice Raja Azlan Shah said that this was a matter which could not be allowed to go unnoticed. He then acquitted and discharged the appellant, Too Hoay Hatt *alias* Too Lai Hatt, aged 23.

Too was alleged to have dubbed in red paint the words 'Johnson Go Home' on the walls of the Jalan Othman Post Office, Petaling Jaya, on October 29th last year, the

day before President Johnson arrived here. Because bail was disallowed, Too had already served twenty days of his sentence.

Mr Justice Raja Azlan Shah said Too had been sentenced on October 31st in the Lower Court to two months' imprisonment and fined \$200 under Section 44 of Ordinance 18 of 1966. This Ordinance deals with Customs and Tariff, the Judge said 'A single glance and it would show that' he added, and agreed with Mr S. T. Gamani, counsel for Too, 'that a conviction could not stand because the offence was one that was not known in law.'

In acquitting and discharging Too, Mr Justice Raja Azlan Shah said, 'In my opinion, his conviction is a matter that cannot go unnoticed. Here a magistrate and a public prosecutor have flouted completely the criminal law and have violated one of the cardinal tenets that a man should only be charged with a known offence. In view of this, I have no alternative but to acquit and discharge the accused.'

Now, Mr Speaker, Sir, Mr Too had enough courage and enough funds to go and see a lawyer—in this case, Mr Gamani, but I shudder to think of the thousands of others who have been sentenced by magistrates, all because the D.P.Ps. wanted to secure conviction. Now, Mr Speaker, Sir, I do know that the Police in this country may well want to secure a conviction, to use the words of the Honourable Minister of Finance, "by hook or by crook", but I do not think that D.P.Ps. in this country should subscribe to that, because although D.P.Ps. are there to prosecute, let us hope they are there also to see that justice is done. They are part and parcel of our judiciary system and that they should see that justice is done. More so, one would hope that the magistrates are there to see that justice is done. In this instance, we are told that the accused, who has now been set free by the learned Judge, was charged with an offence "unknown in law".

Now, if I may elaborate a little more, Mr Speaker, Sir, this Ordinance 18 of 1966 stopped short at Section 9, I am told. Consequently, if you charge a person of an offence under Section 44 of Ordinance 18 of 1966, it is a travesty of justice. Now I am told, Mr Speaker, Sir, that that is all a mistake, that the accused should have been charged under Section 44 of

Ordinance 18 of 1960—that is, the Internal Security Act. Now, I have been advised that even that Section, Section 44 of the Internal Security Act, does not say that if you paint the words "Johnson Go Home", that is an offence. I shudder to think that if in a gay mood, where I have consumed a little more alcohol than is good for me, and I write on the wall of a building close to my dispensary, for example, "Luebice Go Home", then they would charge me under the Internal Security Act, which is supposed to look after subversion. Now, these are observations, Mr Speaker, Sir, that I would like to bring to the attention of the Honourable Minister of Justice in the last few days of his office, so that he would issue a directive to all those who administer the law to see that there are no such instances of people being charged and convicted of offences that are "unknown in law".

Now, Mr Speaker, Sir, if I may dwell a little on the wretched conditions of the courts on Court Hill. I do know that many speakers before me have already touched on this matter in both the debates on the Ordinary Estimates of Expenditure and on the Development Estimates. I, myself, have on a few occasions been to Court Hill to hail out a few people, and I have seen how magistrates have to run from one court to another, all because there is no physical space for them to work and that the civil servants there have to go into cubicles to do their work to make room for an additional court. I do hope that, instead of saying "*Semua bersedia*", or "We will take care of things", the Minister of Justice will see to it that if we cannot rebuild a completely new court system on Court Hill, at least let us improve the facilities, let us enlarge the facilities for the magistrates because, perhaps, the learned magistrate, or the unlearned magistrate, who made these sentences might have been working under wretched conditions that his mental faculties had been impaired by the adverse conditions under which he was working.

Now, Mr Speaker, Sir, I now wish to touch a little on Head S. 38—Registrar of Societies. Here we are told that the sum of \$6,000 is needed to meet the personal emoluments of additional staff recruited in 1966 in order to implement the new Societies Act. Mr Speaker, Sir, I myself have asked a question in this House regarding the implementation of the new Societies Act, and I have had a *tukar fikiran* with the Minister on this matter. Mr Speaker, Sir, I wish to bring to the attention of this House—I see the Minister of Home Affairs is not here, but I do hope that some of the civil servants sitting behind the Ministerial benches are present to note what I have to say—that I agree entirely with the Honourable Minister of Home Affairs when he said that the benevolent societies or the mutual-aid societies should not be run as an insurance company. However, Mr Speaker, Sir, these are not insurance companies, these do not run insurance policies, but these are mutual-aid associations whereby if a death occurs in a family then, they all will get together and help it. This happens not only with mutual-aid or provident fund societies or associations, it also happens, for example, I am told, in the N.E.B. in Kuala Lumpur, where they have a list of members and if there is a death in any family then they go round and collect \$2 per head, and that amounts to about a few thousand dollars, and give it to the family of the deceased. Now, they have not registered the society at all and yet they carry on this sort of welfare work.

I have here a list of mutual-aid societies and provident societies. They are—

- (1) Mutual Provident Association, founded in 1906, age 60 years.
- (2) F.M.S. Benefit Association, founded in 1916, age 50 years.
- (3) Selangor Chinese Benevolent Association, founded in 1933, age 33 years
- (4) Chinese Provident Fund, founded in 1941, age 25 years.

(5) Selangor Chinese Funeral Association, founded in 1906, age 60 years.

